

PRULink Managed Plus Fund



All data is as of 30 April 2022 unless otherwise stated
 除非另有说明，否则以下皆属截至2022年4月30日的数据
 Semua data seperti pada 30 April 2022 melainkan jika dinyatakan

Objective / 目标 / Objektif Dana

PRULink Managed Plus Fund ("the Fund") aims to maximize long-term returns through investing into a portfolio of domestic and foreign assets including equities, equity-related securities, fixed income securities, deposits, currencies, derivatives or any other financial instruments directly, and/or indirectly through the use of any funds such as investment-linked funds set up by us, collective investment schemes and/or exchange traded funds.


PRULink Managed Plus基金 ("本基金") 旨在透过直接和/或间接使用由我们设立的投资连结基金、集体投资计划和/或交易所交易基金等任何基金，投资于包含股票、股票相关证券、固定收入证券、存款、货币、衍生工具或任何其他金融工具的国内外资产组合，以最大化长期收益。

PRULink Managed Plus Fund ("Dana") bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset-aset domestic dan asing termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti-sekuriti pendapatan tetap, deposit, mata wang, derivatif atau mana-mana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung menerusi penggunaan mana-mana dana seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang kami tubuhkan, skim pelaburan kolektif dan/atau pertukaran dana yang diniagakan.

Fund Details / 基金详情 / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / 投资经理 / Pengurus Pelaburan	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / Tarikh Diterbitkan	17/10/2020
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / Saiz Dana Terkini	RM15,579,976.47
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% p.a.
Current NAV / 目前的净资产值 / NAB Terkini	RM0.49924

How the Fund has performed / 基金表现 / Prestasi Dana




Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / Pergerakan Harga	-1.88%	-0.67%	-3.86%	-2.51%	NA	NA	-0.15%
Benchmark / 基准指标 / Penanda Aras	-1.44%	0.47%	-2.24%	0.48%	NA	NA	2.93%
Outperformance / 表现对比 / Perbezaan Prestasi	-0.44%	-1.14%	-1.62%	-2.99%	NA	NA	-3.08%

Source / 资料来源 / Sumber: Lipper Investment Management and Bloomberg, 30 April 2022

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.bursamalaysia.com/market, www.msci.com and www.maybank2u.com.my

Where the Fund invests / 基金投资所在 / Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation / 资产配置 / Peruntukan Aset

	% NAV
1 PRULink Strategic Fund	40.65
2 PRULink Golden Bond Fund	33.88
3 PRULink Global Strategic Fund (Hedging)	25.42
4 Cash, Deposits & Others	0.05

PRULink Global Strategic Fund (with Hedging) Top 5 Holdings / 5大持股 / 5 Pegangan Teratas

	%
1 Jpmorgan Liquidity Funds - US Dollar Liquidity Fund	11.30
2 Apple Inc	2.00
3 Amundi MSCI Europe Ucits Etf - Eur (C)	1.90
4 Microsoft Corporation	1.90
5 Ishares Core MSCI Japan Imi Ucits Etf	1.60

PRULink Strategic Fund Top 5 Holdings / 5大持股 / 5 Pegangan Teratas

	%
1 Public Bank Berhad	9.71
2 Malayan Banking Berhad	8.82
3 CIMB Group Holdings Berhad	5.90
4 IHH Healthcare Berhad	3.01
5 RHB Bank Berhad	2.60

PRULink Golden Bond Fund Top 5 Holdings / 5大持股 / 5 Pegangan Teratas

	%
1 Government Investment Issues*	2.84
2 Government Investment Issues*	2.56
3 YTL Power International Berhad	2.54
4 Manjung Island Energy Berhad	2.49
5 Sarawak Energy Berhad	2.24

All data is as of 30 April 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年4月30日的数据

Semua data seperti pada 30 April 2022 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / 每月简报 / Peningkatan Bulanan

Market Review / 市场回顾 / Tinjauan Bulanan

Global Equities/ 全球股市 / Ekuiti Global

Global equity markets declined sharply in April, as rising inflation and the prospect of more aggressive interest rate hikes, combined with uncertainty around global growth amid the ongoing Russia-Ukraine conflict and strict COVID-19 lockdowns in China, weighed on sentiment. Asia declined, with the prospect of an expansion of lockdowns in China and the ongoing impact on economic activity of the lockdown in Shanghai, as well as the strengthening US Dollar, a drag. Europe remained weak in the absence of any progress towards a resolution to the war in Ukraine. US equities were amongst the worst performing, with the S&P 500 down around -8.7% for the month as growth stocks underperformed amid rising US Treasury yields and expectations for a more hawkish Federal Reserve.

The US market returned -9.1% in April as inflationary pressures and geopolitical tensions intensified. However, business confidence in the US manufacturing sector remained positive due to the easing of supply chain concerns coupled with the uptick in hiring.

European equities returned -6.2% in USD terms in April. The Eurozone manufacturing PMI slumped to a 15-month low of 55.5 in April as the Russia-Ukraine crisis and China's COVID-19 lockdowns exacerbated supply chain bottlenecks. On the other hand, the UK factory activity slightly picked up with its manufacturing PMI rising from March's 13-month low of 55.2 to 55.8 in April. Despite that, manufacturers were still wary about the market outlook due to rising inflation concerns.

Asia Pacific ex Japan markets returned -5.4% in USD terms in April. Chinese equities came under pressure over the month, with China, Hong Kong and Taiwan returning -4.1%, -5.1% and -9.8% in USD terms respectively. China's zero-COVID-19 policy and stringent lockdowns took a toll on the respective economies and supply chains, especially evident in Taiwan. Meanwhile, Hong Kong eased its strict pandemic restrictions in late April, with expectations of its economic growth to rebound from 1Q22 negative growth.

ASEAN markets were among the outperformers in April, outperforming Emerging Markets Asia, with gains led by Indonesia. Indonesian equities was the only country that delivered positive returns in April. It is also deemed by market as biggest beneficiary of rising commodity prices with additional tailwind from reopening in the ASEAN markets. The country announced a blanket ban on exports of Crude Palm Oil (CPO) for an indefinite period of time until domestic edible oil prices ease, a move that was unexpected market. Separately, Malaysia's March's widening trade surplus of USD6.4bn was stronger than expected.

In other markets, Australia returned -5.9% and Japanese equities returned -8.8% on a USD basis during April.

全球股市于4月份挫跌，归咎于通胀升温 and 升息前景更加激进，加上俄乌冲突持续上演以及中国实施严格的防疫措施引发环绕全球增长的不确定性打压市场情绪。亚洲走低，主要受中国扩大封锁的前景以及上海封锁对经济活动带来的持续影响，还有美元走强拖累。在乌克兰战争停火协议缺乏任何进展的情况下，欧洲市场持续疲弱。美国股市是最大输家，其中标准普尔 500 指数月内滑落-8.7%，因为成长型股票在美国国债收益率走高和美联储未来更鹰派的预期下表现逊色。

由于通胀压力和地缘政治紧张局势恶化，美国市场4月回报率为-9.1%。然而，美国制造业商业信心仍然乐观，归功于供应链担忧缓解以及招聘增加。

欧洲股市4月份以美元计下跌-6.2%。俄乌危机和中国的新冠疫情封锁加剧了供应链瓶颈，拖累欧元区4月份制造业采购经理人指数数低至55.5的15个月低点。另一方面，英国工厂活动略有回升，其制造业采购经理人指数从3月份的13个月低点55.2回升至4月份的55.8。尽管如此，由于通胀担忧加剧，制造商仍对市场前景持谨慎态度。

亚太除日本市场4月份以美元计下跌-5.4%。中国股市于月内承压；中国大陆、香港和台湾以美元计的回报率分别为-4.1%、-5.1%和-9.8%。中国的零新冠病毒政策和严格的封锁措施对各自经济和供应链造成影响，其中在台湾尤为显著。与此同时，香港于4月下旬放松了抗疫的严格限制，预计经济增长将从2022年首季的负值复苏。

由印尼股市领涨，东盟市场4月份表现突出，超越新兴市场亚洲。印尼被视为大宗商品价格上涨的最大受益者，加上东盟市场重新开放带来额外的利好，使它成为交出正面股票回报的唯一东盟国家。此外，该国月内出乎意料地宣布无限期全面禁止原原油出口，直至国内食用油价格回落。另一方面，马来西亚3月份贸易顺差扩大至64亿美元，强于预期。

在其他市场，澳洲于4月份以美元计下跌-5.9%，日本也滑落-8.8%。

Pasaran ekuiti global merosot dengan ketara pada bulan April apabila inflasi meningkat, prospek kenaikan kadar faedah yang agresif berserta ketakpastian seputar pertumbuhan global di tengah-tengah konflik Rusia-Ukraine yang berterusan dan sekatan pergerakan yang cukup ketat di China menghimpit sentimen. Prestasi Asia menurun, dengan prospek peluasan sekatan pergerakan di China dan impak sekatan pergerakan di Shanghai ke atas aktiviti ekonomi, diikuti pengukuhan Dolar AS telah menghambat prestasi. Eropah kekal lemah dengan ketiadaan sebarang kemajuan ke arah resolusi di Ukraine. Ekuiti AS antara yang berprestasi paling teruk, di samping S&P 500 jatuh -8.7% di bulan April kerana stok pertumbuhan berprestasi hambar berikutan peningkatan hasil Perbendaharaan AS dan jangkaan ke atas pendekatan Rizab Persekutuan yang lebih agresif.

Pasaran AS mencatat pulangan -9.1% pada bulan April apabila tekanan inflasi dan ketegangan geopolitik meningkat. Namun begitu, keyakinan perniagaan terhadap sektor pembuatan AS kekal positif kerana kebimbangan tentang rantaian bekalan mengendur ditambah dengan peningkatan dalam pengambilan pekerja.

Ekuiti Eropah mengembalikan -6.2% dalam terma USD pada bulan April. PMI pembuatan zon Euro merosot ke paras terendah 15 bulan iaitu 55.5 pada April apabila krisis Rusia-Ukraine dan sekatan pergerakan COVID-19 China memburukkan lagi kesesakan rantaian bekalan. Sebaliknya, aktiviti kilang UK meningkat sedikit dengan PMI pembuatannya menokok daripada paras terendah 13 bulan pada Mac iaitu 55.2 kepada 55.8 pada April. Sungguhpun begitu, pengilang masih berhati-hati tentang prospek pasaran berikutan kebimbangan tentang inflasi yang meningkat.

Pasaran Asia Pasifik luar Jepun mengembalikan -5.4% dalam terma USD pada bulan April. Ekuiti China mengalami tekanan dengan China, Hong Kong dan Taiwan masing-masing memberikan pulangan -4.1%, -5.1% dan -9.8% dalam terma USD. Dasar sifar COVID-19 China dan sekatan pergerakan yang ketat telah menjejaskan ekonomi dan rantaian bekalan masing-masing, khususnya amat jelas di Taiwan. Sementara itu, Hong Kong melonggarkan sekatan pandemik yang ketat pada penghujung April, dengan jangkaan pertumbuhan ekonominya akan melonjak daripada pertumbuhan negatif 1Q22.

Pasaran ASEAN antara yang mencatat prestasi cemerlang pada April, mengatasi pencapaian Pasaran Memuncul Asia, dengan Indonesia menerajui keuntungan. Indonesia adalah satu-satunya negara yang memberikan pulangan ekuiti yang positif kerana ia merupakan penerima manfaat terbesar oleh kerana kenaikan harga komoditi, selain menerima sokongan tambahan daripada pembukaan semula pasaran ASEAN. Negara itu mengumumkan larangan menyeluruh ke atas eksport Minyak Sawit Mentah bagi suatu tempoh masa yang tidak ditentukan sehingga gejalak harga minyak makan domestik mereda; ia satu langkah yang di luar jangkaan pasaran. Secara berasingan, lebih dagangan Malaysia yang semakin melebar pada Mac iaitu USD6.4 bilion adalah lebih kukuh daripada jangkaan.

Di pasaran lain, Australia menyampaikan pulangan -5.9% dan ekuiti Jepun mengembalikan -8.8% pada asas USD di bulan April.

All data is as of 30 April 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年4月30日的数据

Semua data seperti pada 30 April 2022 melainkan jika dinyatakan

Malaysia Equities/ 大马股市 / Ekuiti Malaysia

Malaysian equity markets outperformed the Asia Pacific region, despite being a relatively quiet trading month in April with only USD9.6 billion traded versus March's USD16.2 billion. Effective 1 April 2022, Malaysia moved towards endemic phase, lifting many travel restrictions. EPF's special withdrawal of up to RM10,000 was opened for applications early April, and within two weeks, saw approved applications of about RM40 billion, to be disbursed by the end of April. This will help drive consumption spending domestically, especially ahead of the Hari Raya festivities that began 2 May 2022. The conflict between Russia and Ukraine continued without a ceasefire being reached. Brent crude oil prices remained elevated at between USD100- 110/bbl, whilst crude palm oil prices trended higher to above RM7000/T. Foreign investors were net buyers of equity in April of RM0.8 billion, the fourth consecutive month of net inflows.

The FBMKLCI Index rose 13.07 points in April to close at 1,600.43 points, up 0.82%. The FBM Small Cap Index rose 2.94% for the month and outperformed the FBMKLCI Index.

尽管交投相对淡静，马来西亚股市走势超越亚太区域；与3月份的162亿美元相比，4月份的成交量仅为96亿美元。大马自2022年4月1日起过渡至地方性流行病阶段，并消除多项旅游限制。雇员公积金局一万个令吉特别提款于4月初开放申请，批准的申请在两周内达到400亿令吉，并于4月底发放。这有助于推动国内消费开销，尤其是在开斋节庆祝活动于2022年5月2日展开的前夕。俄罗斯和乌克兰之间的冲突在无法达成停火协议下继续燃烧。布伦特原油价格维持在每桶100-110美元之间，原棕油价格则走高至每吨7000令吉以上。外资4月份净买入8亿令吉股票，是连续第四个月净流入马股。

富时隆综指4月份上涨13.07点或0.82%，以1,600.43点挂收。富马小资本指数月内走高2.94%，跑赢隆综指。

Pasaran ekuiti Malaysia mengatasi prestasi rantau Asia Pasifik, walaupun April merupakan bulan dagangan yang agak lengang dengan hanya USD9.6 bilion didagangkan berbanding USD16.2 bilion di bulan Mac. Berkuat kuasa 1 April 2022, Malaysia menuju ke fasa endemik, menarik balik banyak sekatan perjalanan. Pengeluaran khas KWSP sehingga RM10,000 dibuka untuk permohonan di awal April, dan dalam tempoh dua minggu, kira-kira RM40 bilion permohonan diluluskan, dan pembayaran akan dilepaskan pada akhir April. Ini akan membantu memacu perbelanjaan penggunaan dalam negara, terutamanya menjelang perayaan Hari Raya yang diraikan pada 2 Mei 2022. Konflik antara Rusia dan Ukraine yang masih berterusan tanpa persetujuan gencatan senjata dicapai. Harga minyak mentah Brent masih lagi meningkat antara USD100 hingga 110 setong manakala harga minyak sawit mentah meningkat kepada melebihi RM7000 setan. Pelabur asing adalah pembeli bersih ekuiti bernilai RM0.8 bilion, aliran masuk bersih bulan keempat berturut-turut.

Indeks FBMKLCI menokok 13.07 mata pada April lalu ditutup pada 1,600.43 mata, naik 0.82%. Indeks FBM Small Cap yang meningkat 2.94% di bulan tersebut turut mengatasi prestasi Indeks FBMKLCI.

Malaysia Fixed Income/ 大马固定收入 / Pendapatan Tetap Malaysia

As widely expected, the Fed raised its federal funds rate by 50bps to 0.75%-1.00% at its May 2022 FOMC meeting and revealed its plan to shrink its balance sheet by USD47.5 billion per month starting Jun 2022 before doubling the amount to USD95 billion after three months. At his press conference, Fed Chair Powell acknowledged that inflation could remain substantially elevated and signalled more half-point hikes in the coming meetings although a 75bps hike has been ruled out for now. Powell also reiterated that the US economy is very strong and well positioned to handle the planned rate hikes, an indication that reining in inflation remains the Fed's immediate focus.

Malaysia transitioned into the endemic phase in Apr 2022 and is in talks with other countries for the recognition of Malaysia's Covid-19 vaccination and test certificates. Meanwhile, requirements for the wearing of face masks outdoors, scanning of MySejahtera and pre-departure and on-arrival tests for fully vaccinated travellers have been scrapped effective 1 May 2022. These developments coupled with the availability of antiviral drugs for the treatment of infected adults at high risk of developing severe symptoms will continue to support economic recovery. Meanwhile, World Bank lowered Malaysia's 2022 GDP growth forecast to 5.5% from 5.8% previously, while IMF revised its global and ASEAN-5 growth forecasts to 3.6% and 5.3% from 4.4% and 5.6% previously to reflect the direct impact of the Russia-Ukraine war on top of the impediments from the Omicron variant. The IMF also warned that the tightening in advanced economy could exert pressure on capital flows in emerging markets.

Malaysia's MGS curve moved significantly higher in the month of Apr 2022. The yields of the 3-year, 5-year, 10-year and 15-year MGS rose 31bps, 53bps, 53bps and 59bps respectively to close the month at 3.49%, 3.92%, 4.38% and 4.83% respectively. Similarly, yields of MGI ended higher with yields of the 3-year, 5-year, 10-year and 15-year MGI increasing 53bps, 55bps, 49bps and 52bps respectively to end the month at 3.48%, 4.05%, 4.41% and 4.82% respectively.

美联储联邦公开市场委员会 (FOMC) 如市场广泛预期般在2022年5月份会议将联邦基准利率上调50个基点至0.75%-1.00%区间。与此同时，美联储透露将从2022年6月开始每月缩减资产负债表475亿美元，三个月后将翻倍至950亿美元。美联储主席鲍威尔在新闻发布会上承认通胀可能会继续大幅上升，并放话表示接下来的会议将各加息50个基点，尽管目前已经排除了加息75个基点的可能性。鲍威尔还重申，美国经济非常强劲且能够很好地应对计划中的加息行动，表明控制通胀仍然是美联储的当务之急。

马来西亚自2022年4月起过渡至地方性流行病阶段，同时正与其他国家就承认大马新冠肺炎疫苗接种和检测证书展开谈判。此外，自2022年5月1日起，民众在户外不强制戴口罩、无需扫描My Sejahtera二维码以及已接种疫苗旅客出入境无需检测。除了这些发展，抗病毒药物可用于治疗有严重症状高风险感染的成年人等利好将继续支持经济复苏。与此同时，世界银行将大马2022年国内生产总值增长预测从此前的5.8%下调至5.5%。另外，国际货币基金组织将全球和东盟五国的增长预测从之前的4.4%和5.6%下调至3.6%和5.3%，以反映Omicron变异体带来的逆风以外，俄乌战争的直接影响。该组织还警告说，发达经济体的经济紧缩可能会对新兴市场的资本流动构成压力。

大马政府债券收益率曲线于2022年4月走高。3年、5年、10年和15年大马政府债券收益率分别上涨31、53、53和59个基点，以3.49%、3.92%、4.38%和4.83%结束当月的交易。与此同时，大马政府投资票据收益率也扬升，3年、5年、10年和15年大马政府投资票据分别走高53、55、49和52个基点，以3.48%、4.05%、4.41%和4.82%挂收。

Seperti yang dijangkakan secara meluas, Fed menaikkan kadar dana persekutuannya sebanyak 50 mata asas kepada 0.75% hingga 1.00% semasa mesyuarat FOMC Mei 2022 dan mendedahkan rancangannya untuk mengecilkkan kunci kira-kira sebanyak USD47.5 bilion sebulan bermula Jun 2022 sebelum mengandakan jumlah tersebut kepada USD95 bilion selepas tiga bulan. Sewaktu sidang akhbar, Pengerusi Fed, Powell mengakui bahawa inflasi boleh terus meningkat dengan ketara dan mengisyaratkan kenaikan lebih dari separuh mata dalam mesyuarat akan datang walaupun kenaikan 75 mata asas telah ditolak buat masa ini. Powell juga menegaskan bahawa ekonomi AS sangat kukuh dan berada pada kedudukan yang baik untuk mengendalikan kenaikan kadar yang dirancang, satu petunjuk bahawa mengengkang inflasi kekal sebagai tumpuan serta merta Fed.

All data is as of 30 April 2022 unless otherwise stated

Listening. Understanding. Delivering.

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年4月30日的数据

Semua data seperti pada 30 April 2022 melainkan jika dinyatakan

Malaysia beralih ke fasa endemik pada April 2022 dan sedang berbincang dengan negara lain untuk pengiktirafan sijil ujian dan vaksinasi Covid-19 Malaysia. Sementara itu, keperluan untuk memakai pelitup muka di luar rumah, pengimbasan MySejahtera dan ujian sebelum berlepas dan semasa ketibaan ke atas pengembara yang lengkap divaksin telah dibatalkan berkuat kuasa 1 Mei 2022. Perkembangan ini ditambah dengan ketersediaan ubat antivirus bagi rawatan orang dewasa yang dijangkiti dan yang berisiko tinggi mengalami gejala teruk akan terus menyokong pemulihan ekonomi. Sementara itu, Bank Dunia menurunkan unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia 2022 kepada 5.5% daripada 5.8% sebelum ini, manakala IMF menyemak semula unjuran pertumbuhan global daripada 3.6% kepada 4.4% dan ASEAN-5 daripada 5.3% kepada 5.6% untuk mencerminkan impak langsung Perang Ukraine-Rusia di samping halangan berikutan varian Omicron. IMF juga memberi amaran bahawa pengetatan melibatkan ekonomi maju boleh memberi tekanan kepada aliran modal dalam pasaran memuncul.

Keluk MGS Malaysia bergerak lebih tinggi dengan ketara pada bulan April 2022. Hasil MGS 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun masing-masing meningkat 31 mata asas, 53 mata asas, 53 mata asas dan 59 mata asas lalu menurut bulan dagangan pada 3.49%, 3.92%, 4.38% dan 4.83%. Begitu juga, hasil MGII berakhir lebih tinggi dengan hasil MGII 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun masing-masing meningkat 53 mata asas, 55 mata asas, 49 mata asas dan 52 mata asas lalu mengakhiri bulan dagangan pada 3.48%, 4.05%, 4.41% dan 4.82%.

Market Outlook / 市场展望 / Gambaran Bulanan

Global Equities/ 全球股市 / Ekuiti Global

Market volatility is likely to persist in the near term as concerns around global growth slowdown and still elevated inflation levels remain. We are mindful that the crisis in Ukraine has not completely stabilized yet while China's zero-Covid policy continues to constrain its domestic economic growth, and in turn overall global growth. Commodity prices have climbed significantly but will likely peak when demand side factors start to wane. Central banks will likely stick to their hawkish tones if inflation remains at a heightened level. The rate of inflation is likely to moderate due to higher base effects. While elevated inflationary pressures is likely to keep the Fed on a hawkish stance, we view that the likely rate hikes this year has been well priced in by the market, which may thus cap further disorderly rises in US interest rates from current level.

Control of the pandemic and vaccine roll-out are well underway in many markets, with border re-openings expected to boost global tourism and service-related sectors. There are also fears that corporate earnings have peaked, and that growth is slowing globally. This mixed picture suggests choppiness in the near-term and factor diversification in Equities is suggested.

Global share prices have been volatile with uncertainties around the conflict between Russia and Ukraine as well as rising concerns around stagflation given disruption in the oil and broader commodities supply chains. There has also been a reversal of factor behaviour in the market, with Value and Dividend Yield factors, for example, rebounding after enduring several years of underperformance. Though Asian equity valuations remain cheap relative to other regional markets, we remain cognisant of the impact of the US Federal Reserve's interest rate policy, along with tensions around US-China relations and commodity and goods inflation, which are contributing drivers of global volatility.

市场继续在短期内波动，归咎于全球增长放缓和通胀水平仍然居高不下的顾虑困扰。我们留意到，乌克兰危机尚未完全稳定下来之际，中国新冠疫情清零政策继续限制国内经济增长，进而打击全球整体增长。大宗商品价格已大幅攀升，但仅可能会在需求因素开始减弱时见顶。各国央行或在通胀保持高企下维持鹰派基调。在基数效应较高的情况下，通胀率可能会放缓。通货膨胀压力居高不下或使美联储保持鹰派立场，但我们认为，市场已经充分消化今年可能升息的因素，并料限制美国利率从当前水平无次序地进一步上升。

许多市场的大流行控制和疫苗推广工作正顺利进行，边境重新开放预计将提振全球旅游业和服务相关行业。另外投资者还担心企业盈利已见顶，同时全球增长正放缓。这种喜忧参半的情况显示，市场短期内料继续波动；因此建议多元化股票投资。

全球股价走势波动；俄罗斯和乌克兰之间的冲突存在不确定性，以及石油和更广泛大宗商品供应链中断加剧了市场对滞胀的担忧。市场的行为因素也出现了逆转，例如价值和股息收益率因素在经历了数年的低迷走势后反弹。尽管亚洲股票估值相对于其他区域市场仍然低廉，我们依然关注驱动全球波动的美联储利率政策，以及美中关系和商品与物品通胀的紧张局势带来的影响。

Volatiliti pasaran berkemungkinan akan berterusan dalam tempoh terdekat berikutan kebimbangan mengenai kelembapan pertumbuhan global dan tahap inflasi yang tinggi masih kekal. Kami sedar bahawa krisis di Ukraine masih belum stabil sepenuhnya manakala dasar sifar Covid China terus mengekang pertumbuhan ekonomi domestiknya, dan seterusnya pertumbuhan global secara keseluruhan. Harga komoditi telah meningkat dengan ketara tetapi mungkin akan memuncak apabila faktor sampingan permintaan mula berkurangan. Bank pusat mungkin akan mengekalkan nada agresif jika inflasi kekal pada tahap yang tinggi. Kadar inflasi berkemungkinan akan menyederhana disebabkan kesan asas yang lebih tinggi. Walaupun tekanan inflasi yang tinggi berkemungkinan mengekalkan Fed berpandangan agresif, kami berpandangan bahawa kemungkinan kenaikan kadar tahun ini telah difaktorhargakan dengan baik oleh pasaran, yang mungkin boleh membataskan kenaikan kadar faedah AS yang tidak teratur daripada paras semasa.

Kawalan ke atas pandemik dan pelancaran vaksin sedang giat dijalankan di banyak pasaran, dengan pembukaan semula sempadan dijangka akan menggalakkan pelancongan global dan sektor berkaitan perkhidmatan. Terdapat juga kebimbangan bahawa pendapatan korporat telah mencapai puncak dan pertumbuhan memperlambatkan di peringkat global. Gambaran yang bercampur-campur ini menandakan keadaan bergelombang dalam jangka pendek dan faktor kepelbagaian dalam Ekuiti adalah dicadangkan.

Harga saham global tidak menentu lantaran ketaktentuan seputar konflik antara Rusia dan Ukraine serta kebimbangan yang semakin meningkat mengenai stagflasi berikutan gangguan rantaian bekalan minyak dan komoditi yang lebih meluas. Terdapat juga pembalikan gelagat faktor dalam pasaran, dengan faktor Nilai dan Hasil Dividen, contohnya, melantun semula selepas bertahan dengan prestasi hambar selama beberapa tahun. Meskipun penilaian ekuiti Asia kekal murah berbanding pasaran serantau yang lain, kami tetap menyedari impak dasar kadar faedah Rizab Persekutuan AS, bersekali dengan ketegangan seputar hubungan AS-China dan inflasi komoditi dan barangan yang memacu volatiliti di peringkat global. Meskipun penilaian ekuiti Asia kekal murah berbanding pasaran serantau yang lain, beserta ketegangan melingkari hubungan AS-China serta inflasi komoditi dan barangan yang memacu volatiliti peringkat global.

Malaysia Equities/ 大马股市 / Ekuiti Malaysia

Two months into the Russia/Ukraine conflict, a resolution towards a ceasefire has yet to be achieved. As such commodity prices are likely to remain higher for longer. Other global risks to contend with could include higher inflationary pressures resulting in the US Federal Reserve hiking rates faster and more aggressively.

Nevertheless, as Malaysia moves towards endemic phase post 1 April 2022, the reopening will help support the recovery. The PM announced effective 1 May 2022 further relaxations of restrictions such as allowing the option not to wear a mask outdoors, no requirement to check-in with MySejahtera, social distancing no longer required, and fully vaccinated travelers will no longer need to do a Covid-19 test before departing Malaysia and upon arrival, and Covid-19 insurance is no longer needed for all travelers entering Malaysia. The success of the BN party in the recent Johor State Elections will fuel speculations that GE15 may be called after July 2022. A convincing win by any party will be a positive factor towards a more stable government and policy making. Whilst there are many potential headwinds on the horizon, any correction in the market would provide a good opportunity to accumulate fundamentally strong stocks.

俄罗斯与乌克兰爆发冲突两个月后尚未达成停火协议。因此，大宗商品价格可能会在更长时间内保持高位。其他需要应对的全球风险还包括通胀压力走高使美联储更快、更激进地加息。尽管如此，大马自2022年4月1日起过渡至地方性流行病阶段，经济重新开放将有助于支撑经济复苏。首相宣布自2022年5月1日起进一步放宽限制，包括允许民众选择在户外不戴口罩、无需透过My Sejahtera打卡所在地、不再需要保持社交距离，同时取消完全接种疫苗旅客离开大马之前和抵达时的测试，以及所有入境大马的旅客无需再投保冠病保险。另一方面，国阵在最近的柔佛州选举中获得胜利使市场猜测，第15届全国大选可能在2022年7月之后召开。任何一方

All data is as of 30 April 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年4月30日的数据

Semua data seperti pada 30 April 2022 melainkan jika dinyatakan

令人信服的胜利都将是积极因素，因为这将带来一个更稳定的政府和政策制定。尽管许多潜在的不利因素目前充斥市场，任何调整都将是积累基本面强劲的股票的良好机会。

Konflik Rusia/Ukraine telah berlalu dua bulan namun resolusi ke arah gencatan senjata masih belum dicapai. Oleh itu, harga komoditi berkemungkinan kekal tinggi bagi tempoh yang lebih lama. Risiko global lain yang mungkin perlu dihadapi termasuk tekanan inflasi lebih tinggi yang menyebabkan kadar kenaikan Rizab Persekutuan AS lebih cepat lagi agresif. Namun begitu, apabila Malaysia menuju ke fasa endemik selepas 1 April 2022, pembukaan semula sempadan akan membantu menyokong pemulihan. PM mengumumkan berkuat kuasa 1 Mei 2022 lanjutan pelonggaran sekatan seperti membenarkan pilihan untuk tidak memakai pelitup muka di luar rumah, tiada keperluan untuk mendaftar masuk dengan MySejahtera, penjarakan sosial tidak lagi diperlukan, dan pengembara yang telah lengkap divaksin tidak perlu melakukan Ujian Covid-19 samada sebelum berlepas dari Malaysia dan semasa ketibaan, serta insurans Covid-19 ke atas semua pelancong yang memasuki Malaysia tidak lagi diperlukan. Kejayaan parti BN dalam Pilihan Raya Negeri Johor baru-baru ini akan memarakkan spekulasi bahawa PRU15 mungkin diadakan selepas Julai 2022. Kemenangan yang meyakinkan diraih oleh mana-mana parti akan menjadi faktor positif ke arah pembentukan kerajaan dan dasar yang lebih stabil. Walaupun mungkin terdapat banyak halangan, sebarang pembetulan pasaran akan memberikan peluang yang baik untuk mengumpul stok yang secara asasnya kukuh.

Malaysia Fixed Income/ 大马固定收入 / Pendapatan Tetap Malaysia

Malaysia's Mar 2022 headline inflation rate came in unchanged at 2.2% YoY as higher Food & Non-Alcoholic Beverages (+4.0% YoY) and Transportation (+2.6% YoY) inflations were partially offset by a softer growth in Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (+0.9% YoY) prices. Having said that, core inflation accelerated further to 2.0% YoY (Feb 2022: +1.8% YoY), a reflection of the broadening increase in prices of goods and services. Overall inflationary risk remains tilted to the upside although the government's commitment to ensure price stability of basic necessities could help mitigate some pressure. For 2022, full year inflation is expected to remain modest, coming in within BNM's forecast of 2.2% to 3.2%.

Markets across the globe remained highly volatile in Apr 2022, driven predominantly by higher rate hike expectations across developed markets and the ongoing geopolitical conflicts. We note that the concern over tighter global financial conditions has started to be reflected in the FX weakness and volatility in emerging economies, exerting pressure on central banks to re-assess their monetary policy stance. In Malaysia, the sovereign yield curve shifted much higher in the month of Apr 2022 despite inflationary pressure staying relatively muted thus far. In the near term, volatilities in the global market are expected to persist as sentiments continue to be weighed by concerns on global growth outlook and inflation outlook on the back of the on-going Russia-Ukraine war and China's strict Covid-19 containment measures. For 2022, we believe the main themes surrounding the Malaysian bond market are Malaysia's economic growth, inflationary pressures and monetary policy normalization, potential general elections as well as the supply-demand dynamics.

There will be three auctions in the month of May 2022, the new 30 Y MGII 05/52, the re-opening of the 10-year MGS 07/32 and the re-opening of the 3-year MGII 10/25. While there is still ample liquidity in the system, the outcome of these auctions is likely to be influenced by prevailing market sentiment. On the corporate front, we expect mixed demand for corporate bonds as investors continue to be selective in their investments.

马来西亚2022年3月总体通货膨胀率按年保持不变在2.2%。食品与非酒精饮料和运输走高，按年分别起+4.0%和+2.6%；但住房、水、电、天然气和其他燃料价格（按年+0.9%）增长放缓部分抵消了其他类别走高带来的影响。尽管如此，核心通货膨胀按年进一步加速到2.0%，比较2022年2月的是按年+1.8%；反映商品和服务价格广泛上涨。虽然政府承诺确保基本必需品价格稳定或有助于缓解一些压力，总体通胀风险仍倾向于走高。2022年全年通胀预计保持温和，处于国行预测的2.2%至3.2%范围内。

2022年4月，全球市场走势依然如过山车般波动，主要由发达市场的升息预期升温和持续的地缘政治冲突驱动。我们注意到，市场对全球金融状况趋紧的担忧已开始反映在新兴经济体疲软和波动的外汇走势上，并为各国央行重新评估货币政策立场带来了压力。在马来西亚，尽管通胀压力迄今相对温和，主权收益率曲线于2022年4月进一步走高。短期内，持续上演的俄乌战争和中国实施的严格Covid-19遏制措施对全球增长和通胀前景带来的担忧继续打压市场情绪；在此情景下，全球市场预计将持续波动。2022年，我们认为围绕马来西亚债券市场的主要主题包括大马经济增长、通胀压力和货币政策正常化、潜在的全国大选以及供需动态。

2022年5月将有三项招标，包括30年期大马政府投资票据05/52的全新发行、10年期大马政府债券07/32以及3年期大马政府投资票据10/25的增额发行。尽管系统中仍有充裕的流动性，这些招标的结果料将取决于当前的市场情绪。企业债券方面，我们预料市场对企业债券的需求将参差不齐，因为投资者继续在投资方面保持选择性。

Kadar inflasi utama Mac 2022 Malaysia tidak berubah pada 2.2% YoY apabila angka inflasi Makanan & Minuman Bukan Beralkohol (+4.0% YoY) dan Pengangkutan (+2.6% YoY) yang lebih tinggi telah diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam Perumahan, Air, Elektrik, Harga Gas dan Bahan Api Lain (+0.9% YoY). Namun begitu, inflasi teras terus meningkat kepada 2.0% YoY (Feb 2022: +1.8% YoY), mencerminkan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan yang meluas. Keseluruhan risiko inflasi kekal meningkat walaupun komitmen kerajaan untuk memastikan kestabilan harga barang keperluan asas dapat membantu mengurangkan tekanan. Bagi 2022, inflasi setahun penuh dijangka kekal sederhana, berada dalam urutan BNM sebanyak 2.2% hingga 3.2%.

Pasaran di seluruh dunia masih lagi sangat tidak menentu pada April 2022, didorong terutamanya oleh jangkaan kenaikan kadar yang lebih tinggi di seluruh pasaran maju dan konflik geopolitik yang berterusan. Kami menyedari bahawa kebimbangan terhadap keadaan kewangan global yang lebih ketat telah mula dicerminkan oleh kelemahan pertukaran asing (FX) dan volatiliti ekonomi memunculkan, lalu memberikan tekanan kepada bank pusat untuk menilai semula pendirian dasar monetari. Di Malaysia, keluk hasil kerajaan berubah lebih tinggi pada bulan April 2022 walaupun tekanan inflasi secara relatifnya tidak berubah setakat ini. Dalam jangka terdekat, volatiliti pasaran global dijangka akan berterusan kerana sentimen terus ditekan oleh kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global dan prospek inflasi dilatari perang Rusia-Ukraine yang berlanjutan dan langkah-langkah pembendungan Covid-19 yang ketat oleh China. Bagi tahun 2022, kami percaya tema utama yang menyelubungi pasaran bon Malaysia ialah pertumbuhan ekonomi Malaysia, tekanan inflasi dan penormalan dasar monetari, kemungkinan berlangsungnya pilihan raya umum serta dinamik penawaran-permintaan.

Terdapat tiga lelongan pada bulan Mei 2022, MGII baharu 30 tahun 05/52, pembukaan semula MGS 10 tahun 07/32 dan pembukaan semula MGII 3 tahun 10/25. Walaupun kecairan dalam sistem masih lebih dari mencukupi, hasil lelongan tersebut mungkin dipengaruhi oleh sentimen pasaran semasa. Meninjau korporat, kami menjangkakan permintaan ke atas bon korporat bercampur-campur kerana pelabur terus selektif dengan pelaburan mereka.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / Tinjauan dan Strategi Dana

The Fund returned -1.88% for the month, underperforming the benchmark return of -1.44% by 0.44%. Year-to-date, the Fund returned -3.03%, underperforming the benchmark return of -2.07% by 0.96%.

For the month under review, the Fund's underperformance was mainly due to security selection effect of underlying bond fund attributed to the significantly higher in bond yields across all tenors. Markets across the globe remained highly volatile in April 2022, driven predominantly by higher rate hike expectations across developed

All data is as of 30 April 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年4月30日的数据

Semua data seperti pada 30 April 2022 melainkan jika dinyatakan

markets and the ongoing geopolitical conflicts. Asset allocation effect was marginally negative as overweight in Malaysia equity detracted.

As at end-April 2021, the fund has 66.0% in equity and 34.0% in bond (versus neutral position of 60:40 equity:bond). The Fund maintains its overweight position on Equity relative to Bonds on valuation factors.

此基金月内交出-1.88%回酬，跑输回酬为-1.44%的基准0.44%。年度至今，基金的回酬是-3.03%，较取得-2.07%回酬的基准逊色0.96%。

检讨月份下，此基金表现逊色主要归咎于所投资债券基金的证券选择，因为所有期限的债券收益率显著走高。2022年4月，全球市场持续剧烈波动，主要受发达市场升息预期升温和地缘政治冲突延烧影响。由于基金增持大马股票的部署拖累表现，资产配置效应略显负面。

截至2022年4月底，此基金在股票的投资比重为66.0%，债券的是34.0%（对比60:40股票：债券的中和部署）。鉴于估值因素，相对于债券，本基金维持其对股票的增持头寸。

Dana mencatat pulangan -1.88% di bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -1.44% sebanyak 0.44%. Sejak awal tahun hingga kini, Dana mengembalikan -3.03%, tidak mengatasi pulangan penanda aras -2.07% sebanyak 0.96%.

Bagi bulan yang ditinjau, prestasi hambar Dana disebabkan terutamanya oleh kesan pemilihan sekuriti dana pendasar bon terkait dengan hasil bon yang jauh lebih tinggi pada semua tenor. Pasaran di seluruh dunia masih lagi sangat tidak menentu pada April 2022, didorong terutamanya oleh jangkaan kenaikan kadar yang lebih tinggi di seluruh pasaran maju dan konflik geopolitik yang berterusan. Kesan peruntukan aset adalah sedikit negatif kerana pegangan berlebihan dalam ekuiti Malaysia terjejas.

Setakat akhir April 2021, dana mempunyai 66.0% pegangan dalam ekuiti dan 34.0% dalam bon (berbanding kedudukan neutral 60:40 ekuiti:bon). Dana mengekalkan kedudukan pegangan berlebihan pada Ekuiti berbanding Bon atas faktor penilaian.

Source / 资料来源 / Sumber: Fund Commentary, April 2022, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www.prudential.com.my.

任何投资皆涉及投资风险，包括本金的损失。单位的价值可能会扬升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回酬并不反映您投资的真实回酬（后者取决于您的保费分配率与费用）。您所投资的保费的真实回酬将根据有关投资联结基金的表现而定。保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回酬可能会低于上述回酬。本册子只供说明之用。欲进一步了解条款与细则，请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子。如果本说明书的资料与保单文件有所出入，将以保单文件者为准。若说明书的英文、马来文和中文版有差异则以英文版为准。有关目标基金的基金说明书，请浏览 www.prudential.com.my。

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.prudential.com.my